

Skim i-SURI: Pelaksanaan dalam Kalangan Suri Rumah Menurut Perspektif Perundangan (i-SURI Scheme: Its Implementation Among Housewives from Legal Perspective)

NOR ANITA ABDULLAH
HARLIDA ABDUL WAHAB
ASMAR ABDUL RAHIM

ABSTRAK

Skim i-SURI diperkenalkan oleh kerajaan pada 15 Ogos 2018 sebagai insentif khas Kerajaan untuk Suri Rumah dan wanita yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih). Walau bagaimanapun, pelaksanaan Skim i-SURI ini masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya lantaran terdapat kekangan yang melibatkan beberapa peruntukan penting dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta KWSP 1991). Persoalan yang timbul ialah berkenaan dengan pelaksanaan skim ini, adakah sama sepertimana pelaksanaan skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sedia ada atau berbeza. Jika dilihat dari aspek pelaksanaan skim KWSP, caruman yang dibuat oleh pekerja yang juga merupakan pencarum hanya boleh dikeluarkan secara sepenuhnya apabila telah sampai tempoh umur persaraan sahaja. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan konsep Skim i-SURI sekiranya boleh menggunakan skim caruman sedia ada dalam KWSP itu sendiri.

Kata kunci: i-SURI; KWSP; perundangan

ABSTRACT

i-SURI Scheme was introduced by the government on 15th August 2018 as a special government incentive for the housewives and women who registered in the National Poverty Database (eKasih). However, the implementation of i-SURI Scheme has not yet fully implemented due to some constraints in the provisions in the Employees Provident Fund Act 1991. The question arises is with respect to the implementation of the scheme, whether it is similar as to the existing Employees Provident Fund (EPF) scheme or different. From the implementational aspect of EPF scheme, contributions made by employees who are also contributors can only be fully withdrawn when reached the age of retirement. Therefore, this article aims to see the implementation of the concept of i-SURI Scheme if still can apply the existing contribution scheme in the EPF itself.

Keywords: i-SURI; KWSP; legislation

PENGENALAN

Suri rumah adalah tunggak utama dalam sesebuah keluarga. Peranan suri rumah sama ada yang bekerja atau yang tidak bekerja tidak hanya terhad kepada menjaga keluarga dan membesarkan anak-anak sahaja. Sebaliknya dibahu mereka juga terletakinya tanggungjawab besar membentuk generasi masa depan negara selain memastikan anak-anak membesar dalam suasana persekitaran yang kondusif. Lazimnya, seorang suri rumah berpotensi memilih untuk tidak bekerja disebabkan oleh tanggungjawab mereka terhadap keluarga. Mereka berkhidmat untuk keluarga tanpa mengira penat lelah serta menuntut apa-apa balasan.¹ Namun begitu, sehingga kini suri rumah sepenuh masa masih belum mendapat apa-apa bantuan yang signifikan serta perlindungan jangka

masa panjang. Apatah lagi, kajian pasaran juga membuktikan bahawa tenaga kerja wanita bujang adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan wanita berkahwin. Wanita yang berkahwin pula cenderung memilih untuk berhenti kerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa.² Kesedaran mengenai persaraan juga sangat rendah di kalangan wanita samaada yang bekerja atau yang tidak bekerja.³ Pemahaman seperti ini boleh dilihat dari kalangan wanita yang bekerja juga di mana fahaman mereka terhadap kehidupan selepas persaraan sangat rendah. Apatah lagi jika dibandingkan dengan wanita yang sememangnya berstatus suri rumah sepenuh masa. Mereka cenderung untuk tidak memikirkan apakah perancangan yang perlu dilakukan kelak apabila suami mereka telah bersara dan bagaimana untuk menempuhi kehidupan selepas bersara. Namun, ada juga pandangan yang

mengatakan bahawa suri rumah juga merupakan satu bentuk pekerjaan di mana tugas yang perlu dipikul oleh seorang suri rumah selain daripada seorang suri rumah yang bekerja dan pada masa yang sama juga menjadi suri rumah diluar waktu bekerja.⁴

Sebaliknya bagi para suami yang bekerja dan mempunyai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mereka dilindungi di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Manakala bagi Skim i-SURI yang diperkenalkan oleh kerajaan bermula pada 15 Ogos 2018 yang lalu merupakan satu insentif khas yang diperkenalkan oleh KWSP terhadap golongan suri rumah. Skim ini bertujuan memastikan kesejahteraan golongan suri rumah dan juga sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka kepada ahli keluarga dan pembangunan negara.⁵ Walau bagaimanapun, dalam konteks pelaksanaan KWSP itu sendiri, caruman sebagai pekerja telah lama dilaksanakan. Persoalan yang timbul ialah berkenaan dengan pelaksanaan skim ini, adakah sama sepertimana pelaksanaan skim KWSP sedia ada atau berbeza kerana Skim i-SURI lebih memfokuskan kepada golongan wanita sahaja dan perbincangan artikel ini hanya memfokuskan kepada golongan pertama sahaja iaitu golongan suri rumah yang tidak bekerja yang merupakan isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR) iaitu suami. Disebabkan dasar sedia ada dalam konteks pelaksanaan KWSP sedia ada, mekanisme pelaksanaan skim i-SURI kelihatan tidak jelas. Terutama, terdapat kebimbangan mengenai pelaksanaannya.

SKIM KWSP

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) (disebut sebagai Akta KWSP 1991) adalah akta yang mengawal Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia. Akta ini ditadbir oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Malaysia. Semua pekerja di Malaysia yang telah mencapai usia 16 tahun dan yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan sama ada tersurat atau tersirat, dan sama ada lisan atau bertulis mesti didaftarkan sebagai anggota Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak kira sama ada lelaki atau wanita. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah skim simpanan wajib di Malaysia. Tujuan utamanya adalah untuk memberi jaminan keselamatan untuk persaraan usia tua kepada anggotanya. Ia juga memberikan faedah tambahan kepada anggota untuk menggunakan sebahagian

daripada simpanan mereka untuk pemilikan rumah dan skim pengeluaran lain mengikut apa yang termaktub dalam akaun simpanan KWSP. KWSP adalah singkatan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

KWSP merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Malaysia. KWSP menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan sistematik. KWSP juga menyediakan sistem yang efisien dan mudah bagi memastikan para majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka untuk mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja mereka.⁶ KWSP merupakan satu-satunya Dana simpanan persaraan terbesar yang menjamin simpanan masa depan mana-mana pekerja yang untuk melalui tempoh persaraan dengan mendapat ganjaran faedah persaraan iaitu bayaran yang dibayar kepada pekerja kerana bersara sama ada secara wajib atau atas sebab kesihatan sepeyri yang dinyatakan di bawah kontrak perkhidmatan pekerja itu.⁷ Setiap pekerja dan majikan yang berada di bawah skim simpanan mandatori KWSP perlu mencarum peratusan tertentu yang diambil dan ditolak daripada gaji pekerja mereka setiap bulan.

Pengambilan jumlah mengikut peratusan tersebut bertujuan untuk memberi perlindungan dan menjadi nilai tambah kepada nilai simpanan tersebut kelak berdasarkan Sekyen 43 Akta KWSP 1991. Walau bagaimanapun, dalam tempoh sebelum persaraan, pencarum masih diberi kebenaran untuk membuat pengeluaran terhadap simpanan mereka untuk beberapa tujuan seperti pembiayaan pendidikan, penjagaan kesihatan dan pembelian rumah.⁸

Akaun KWSP melibatkan dua caruman utama iaitu caruman pekerja dan caruman majikan. Pengiraan caruman dibuat dan dikira berdasarkan gaji bulanan/upah bulanan yang diterima oleh pekerja. Bagi pekerja yang menerima upah/gaji bulanan RM5,000.00 dan ke bawah caruman pekerja sebanyak 11% dipotong daripada gaji bulanan mereka. Manakala caruman syer majikan sebanyak 13%. Bagi pekerja yang menerima upah/gaji melebihi RM5,000.00 caruman pekerja kekal 11% manakala 12% adalah caruman oleh majikan. Ahli KWSP adalah terdiri daripada Pekerja Sektor Swasta dan Pekerja Tidak Berpencen Sektor Awam. Sehingga September 2017, KWSP mempunyai seramai 13.72 juta ahli. Bilangan ahli aktif dan masih mencarum adalah seramai 7.05 juta.

Bilangan majikan aktif pula adalah seramai 493,229 (Muniapan et al, 2010). Majikan menyumbang 12% daripada gaji pekerja dan pekerja menyumbang 11% daripada gaji bulanan ke dalam akaun pekerja. Sebelum 1 Ogos 1998, ekspatriat dan pekerja asing tidak diharuskan mencarum kepada KWSP walaupun mereka mungkin memilih untuk melakukannya.

PELAKSANAAN SKIM KWSP

Menurut peruntukan dalam Akta KWSP, mana-mana pekerja diwajibkan mencarum. Individu yang wajib mencarum dalam skim KWSP adalah mana-mana individu yang diambil bekerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan yang tidak dinyatakan dalam Jadual Pertama Seksyen 2 Akta KWSP 199. Individu yang bekerja, pemilik perniagaan dan individu bekerja sendiri boleh memilih untuk mencarum berdasarkan keperluan mereka. Dalam halaman berikutnya, kami memperincikan butiran mengenai caruman yang wajib dan caruman secara sukarela. Sebagai ahli, mereka juga layak menikmati dividen tahunan bagi simpanan persaraan anda, tetapi terdapat banyak kemudahan dan pilihan pengeluaran serta faedah yang diperolehi apabila menjadi ahli KWSP. Ahli KWSP dalam sektor swasta dan pekerja tidak berpencen sektor awam mencarum ke dalam akaun persaraan mereka melalui potongan gaji bulanan oleh majikan. Amaun caruman tersebut terdiri daripada syer ahli dan majikan yang akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP ahli.

Oleh yang demikian, dalam Skim KWSP, setiap majikan dan pekerja seperti yang didefinisikan di bawah Akta KWSP adalah bertanggungjawab untuk membayar caruman bulanan bagi amaun upah yang dikenakan dibayar pada kadar yang masing-masingnya dinyatakan di Jadual Ketiga⁹ di mana tiga elemen utama yang wujud dalam tanggungan mencarum iaitu majikan pekerja dan upah. Di antara senarai pekerja yang diwajibkan mencarum adalah seperti berikut:

1. Pekerja tetap, kontrak, sambilan, sementara dan pekerja dalam tempoh percubaan
2. Mana-mana pengarah syarikat juga adalah 'pekerja' sekiranya dibayar upah bagi perkhidmatan yang diberi kepada syarikat berkenaan
3. Pekerja yang telah mengeluarkan simpanan di bawah Pengeluaran Hilang Keupayaan yang telah pulih kesihatannya dan bekerja semula dalam mana-mana perkhidmatan (pekerjaan). Pekerja yang telah mengeluarkan simpanan di

bawah Pengeluaran Umur 55 Tahun dan belum mencapai umur 75 tahun dan bekerja dalam mana-mana perkhidmatan (pekerjaan)

4. Pekerja yang telah diberi taraf berpencen dan bekerja dengan mana-mana majikan selain daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau tempatan
5. Pekerja yang telah mengeluarkan simpanan di bawah Pengeluaran Pekerja Berpencen dan bekerja semula selepas umur persaraan di bawah satu kontrak dengan mana-mana majikan.

Manakala bagi majikan pula perlu mendaftar dengan KWSP sebagaimana termaktub dalam Sesyen 41(1) Akta KWSP. Oleh itu, majikan hendaklah membayar caruman pekerja mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Akta KWSP 1991. Mana-mana majikan yang gagal membayar caruman bagi pekerja-pekerja dalam tempoh yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh didakwa dan jika disabitkan, boleh dihukum penjara atau denda atau keduanya sekali mengikut Seksyen 43 (2) Akta KWSP 1991 di mana berlakunya suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau keduanya.¹⁰ Caruman Minimum adalah caruman yang dibuat oleh pekerja berdasarkan Gaji Minimum di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732) selaras dengan peruntukan seksyen 43(1A) Akta KWSP 1991. Menurut Bahagian III Perintah Gaji Minimum, penjelasan terperinci arahan rundingan terhadap gaji minimum (Seksyen 21), syor terhadap gaji minimum (Seksyen 22), kesan perintah gaji minimum (Seksyen 23) dan kaji semula perintah gaji minimum (Seksyen 24) termaktub dalam Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011. Semua pekerja di sektor swasta yang mempunyai kontrak perkhidmatan dengan majikan adalah berhak menerima Caruman Minimum. Terpakai bagi pengkhidmat awam berskim KWSP dan belum diserapkan dalam skim berpencen. Tiada pengecualian diberikan kepada sektor-sektor industri tertentu untuk tidak membuat caruman KWSP.¹¹

PENGENALAN SKIM I-SURI

Tugas sebagai seorang suri rumah merupakan perkara yang perlu dilakukannya untuk menjaga rutin tugansannya seperti memasak, mencuci

pinggan, membersihkan rumah, mencuci pakaian, menjaga anak, dan komponen hubungan peribadinya sebagai isteri kepada suaminya.¹² Rutin seorang suri rumah mengakhiri tugasnya mengikut budi bicaranya sendiri atau suaminya. Ada juga di antara kebanyakan suri rumah yang dari asalnya bekerja tetapi berhenti dengan menjadi suri rumah sepenuh masa.¹³ Walau bagaimanapun, mereka akan berada dalam kerugian dalam pekerjaan berbanding dengan kumpulan umur mereka kerana kegagalan di mata majikan untuk membuktikan potensi diri dalam pekerjaan sekiranya mereka ingin menyambung semula kehidupan sebagai wanita berkerjaya. Manakala bagi suri rumah sepenuh masa, mereka tidak mempunyai pekerjaan apatah lagi berpendapatan sendiri. Suri rumah akan bergantung sepenuhnya kepada pasangan masing-masing iaitu dalam konteks ini suami yang merupakan satu-satunya sumber kewangan dalam keluarga.¹⁴ Manakala, bagi kategori suri rumah yang berstatus ibu tunggal juga akan mendapat faedah yang sama sekiranya menjadi penyumbang kepada skim ini. Situasi di mana seseorang wanita itu menjadi ibu tunggal ialah apabila pasangan suami isteri bercerai atau di mana suami wanita tersebut meninggal dunia. Dalam konteks penceraian, isteri tidak layak untuk mendapat pembahagian kewangan KWSP daripada caruman suami di mana dalam situasi yang sama wanita tersebut berstatus ibu tunggal.¹⁵

Oleh yang demikian, sekiranya berlaku sesuatu, sebagai salah satu langkah yang di ambil oleh kerajaan untuk memastikan suri rumah mempunyai simpanan untuk persaraan dan perlindungan sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga. Kerajaan bersungguh-sungguh menyediakan beberapa inisiatif antaranya memperkenalkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk Suri Rumah. Suri merupakan singkatan bagi skim Program Sukarela Insentif Suri yang bertujuan untuk menjaga kebajikan para wanita khususnya suri rumah, dengan matlamat menyediakan simpanan untuk kegunaan hari tuadi samping bertujuan memastikan kesejahteraan golongan suri rumah serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada ahli keluarga dan pembangunan negara.¹⁶ Menurut keratan dalam Berita Nasional Online (6 April 2019), sejumlah RM9.51 juta telah dimasukkan ke akaun anggota Caruman Sukarela i-SURI bagi tahun 2018. Jumlah itu merupakan jumlah insentif RM40.00 kepada 49,857 pencarum yang mencarum sejumlah RM5.00 sebulan. Menurutnya lagi, insentif dan faedah ini sama seperti ahli KWSP menghadapi tempoh persaraan. Insentif seperti ini memberi

galakan kepada suri rumah untuk turut menyumbang bagi mendapatkan faedah pada masa akan datang.

Semasa pelancaran Skim KWSP di *International Social Security Conference* (ISSC) 2018 anjuran KWSP, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, yang juga merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah mengatakan bahawa program sukarela insentif suri diperkenalkan untuk suri rumah. Pelaksanaan Skim KWSP Untuk Suri Rumah. Skim ini telah disenaraikan dalam 10 janji dalam tempoh 100 hari pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan bagi mewujudkan jaringan sosial di antara masyarakat terutamanya di kalangan wanita.¹⁷ Skim ini dilaksanakan untuk memperkasa hak wanita dan mengiktiraf kepentingan peranan kaum hawa dalam masyarakat yang bukan hanya bergantung kepada kaum lelaki sahaja. Sumbangan suri rumah dalam menyumbang kepada pembentukan sosial masyarakat dan pembangunan negara tidak boleh dipertikaikan dan pengorbanan dan sumbangan golongan ini tidak diberikan ganjaran dan perlindungan yang sewajarnya. Skim ini perlu dilaksanakan secara berfasa di mana pelaksanaan fasa pertama adalah berbentuk sukarela dengan jumlah caruman minimum RM5.00 sebulan ke dalam akaun KWSP suri rumah. Pelaksanaan skim ini dicadang untuk diperluaskan dengan liputan perlindungan keselamatan sosial oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semasa pelaksanaannya di masa hadapan tertakluk kepada kesediaan semua pihak yang berkaitan.¹⁸

Skim ini juga merupakan skim bantuan bersasar yang merupakan langkah pertama Kerajaan untuk menggalakkan kumpulan rentan dalam masyarakat untuk mula menabung bagi kegunaan semasa, hari tua atau ketika menghadapi kesusahan dan ditimpa musibah seperti perceraian, kematian suami, suami hilang upaya dan lain-lain. Urusan pengeluaran caruman juga perlu diberi penekanan. Memandangkan matlamat utama cadangan pelaksanaan sistem Skim i-SURI ini adalah untuk membantu golongan suri rumah sepenuh masa yang tidak mempunyai pendapatan tetap kerana tidak bekerja. Sekiranya suami pula mempunyai lebih dari seorang isteri, bagaimana pula proses pengeluaran itu boleh dilaksanakan. Manakala dalam kes yang melibatkan penceraian pula, di mana isu penceraian melibatkan pasangan suami isteri juga berlaku apabila berlaku kepincangan dalam hubungan rumahtangga¹⁹ bagaimana proses pengeluaran itu boleh dilaksanakan.

Dalam usaha memastikan suri rumah mempunyai simpanan untuk persaraan dan perlindungan sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga seperti perceraian atau suami telah meninggal dunia terlebih dahulu, Kerajaan bersungguh-sungguh menyediakan beberapa inisiatif antaranya memperkenalkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Untuk Suri Rumah. Skim ini adalah skim bantuan bersasar yang merupakan langkah pertama Kerajaan untuk menggalakkan kumpulan rentan dalam masyarakat untuk mula menabung bagi kegunaan semasa, hari tua atau ketika menghadapi kesusahan dan ditimpa musibah seperti perceraian, kematian suami, suami hilang upaya dan lain-lain. Pelaksanaan skim ini adalah berteraskan 3 matlamat utama iaitu:

1. Jangka Pendek: Menggalakkan tabungan secara sukarela;
2. Jangka Sederhana: Sumbangan wajib suami kepada isteri yang menjadi suri rumah; dan
3. Jangka Panjang: Menyediakan jaringan sosial yang komprehensif kepada semua rakyat Malaysia.

Berdasarkan kepada matlamat pelaksanaan skim ini, Skim KWSP Untuk Suri Rumah telah dijenamakan dan dikenali sebagai Skim Caruman Insentif Suri (Skim i-SURI). Skim i-SURI adalah insentif khas Kerajaan untuk Suri Rumah dan wanita yang berdaftar dalam Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih). Program i-SURI adalah program yang berbentuk usaha sama yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) dan Kementerian Kewangan. Kumpulan sasar bagi pelaksanaan fasa pertama Skim i-SURI adalah terdiri dari golongan suri rumah yang merupakan isteri kepada Ketua Isi Rumah (KIR), KIR wanita dalam kalangan ibu tunggal, KIR wanita status balu dan KIR wanita status belum berkahwin (bujang). Insentif ini selain di anggap sebagai inisiatif caruman sukarela SURI yang ditubuhkan bagi golongan bekerja sendiri dan tanpa pendapatan tetap tapi juga memberi peluang kepada golongan suri rumah untuk turut menikmati keselamatan sosial yang berkualiti di samping memiliki keselamatan kewangan yang stabil di masa hadapan sebagaimana yang dinikmati oleh ahli KWSP.²⁰ Jika dilihat dari aspek pelaksanaan skim KWSP, caruman yang dibuat oleh pekerja yang juga merupakan pencaharum hanya boleh dikeluarkan secara sepenuhnya apabila telah sampai tempoh persaraan sahaja.²¹

PELAKSANAAN SKIM I-SURI

Pada dasarnya, Kerajaan mencadangkan Skim KWSP Untuk Suri Rumah ini melibatkan sumbangan caruman pekerja 2% sebulan dan sumbangan RM50 sebulan daripada dana Kerajaan. Pelaksanaan Skim KWSP Untuk Suri Rumah merupakan program berbentuk usaha sama yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) dan Kementerian Kewangan Malaysia. Setelah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan, Kerajaan telah menimbangkan untuk memberi peruntukan sebanyak RM50.00 kepada setiap orang suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan melalui agihan ke dalam akaun KWSP suri rumah sebanyak RM40.00 dan caruman sebanyak RM10.00 bagi liputan asas keselamatan sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pertimbangan Kerajaan untuk cadangan pelaksanaan caruman sebanyak RM10.00 ke dalam skim perlindungan keselamatan sosial adalah sebagai persediaan suri rumah selaku pencaharum menghadapi musibah, kesusahan atau keadaan luar jangka. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan teknikal yang perlu diperhalusi dan diteliti oleh pihak PERKESO. Selain itu, cadangan caruman wajib 2% juga memerlukan pindaan terhadap perundangan sedia ada KWSP.

Memandangkan terdapat kekangan perundangan di pihak KWSP dan PERKESO, Kerajaan bersetuju untuk tetap melaksanakan Skim KWSP Untuk Suri Rumah secara berfasa dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan. Pelaksanaan secara berfasa adalah seperti berikut:

1. Fasa pertama: Caruman secara sukarela;
2. Fasa Kedua: Caruman secara sukarela dengan perluasan manfaat perlindungan sosial di bawah PERKESO; dan
3. Fasa Ketiga: Caruman wajib.

Data yang digunakan pada tahun 2018 ialah pendaftaran wanita dan suri rumah yang berdaftar dengan eKasih sehingga 30 Jun 2018. Jumlah suri rumah dan wanita yang telah mendaftar i-Suri sehingga 30 April 2019 adalah seramai 107,619 orang. Pelaksanaan pada peringkat ini telah dijalankan oleh Kementerian melalui Agensi Pelaksana dan Rakan Strategik termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang menggiatkan aktiviti promosi i-Suri melalui inisiatif kumpulan mobil 'mobile team' dan siaran media. Inisiatif mempromosikan

i-Suri melalui Program Outreach oleh JKM dan AIM dilihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasaran dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran dalam kalangan wanita yang layak dan memenuhi kriteria. Bagi pelaksanaan Fasa 2, PERKESO telah merangka draf Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Untuk Suri Rumah. Berdasarkan semakan, draf RUU tersebut masih di peringkat semakan oleh Kementerian Sumber Manusia sebelum dikemukakan untuk semakan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Bagi pelaksanaan Fasa 3 pula, draf pindaan Akta KWSP 1991 telah disediakan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen semasa sesi Julai 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Fasa 3 dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2020.²² Dengan adanya perancangan ini, Kementerian berharap kesejahteraan wanita akan meningkat terutama wanita dalam kedudukan yang paling rentan dalam negara.

Jika dilihat dari konspek pemakaian pelaksanaan KWSP sedia ada, adakah pelaksanaan skim i-SURI mempunyai persamaan dengan skim KWSP yang telah sekian lama dilaksanakan. Dalam KWSP, apabila persaraan berlaku, pekerja tidak akan mendapat gaji atau bayaran sama seperti yang diperoleh setiap bulan sebelum tempoh persaraan.²³ Pada masa ini, pekerja tersebut yang mana juga dikenali sebagai pencarum, layak untuk mendapatkan wang simpanan yang dicarum melalui KWSP selama ini. Proses ini merupakan proses atau prosedur yang perlu dilalui oleh setiap pencarum yang melalui tempoh persaraan. Caruman yang merupakan duit simpanan yang dicarum pada setiap bulan dalam tempoh pekerjaan sebelum ini akan menjadi sumber kewangan bagi mereka yang bersara untuk meneruskan kehidupan kelak.²⁴ Ini kerana, apabila seseorang pekerja itu telah bersara, mereka tidak lagi menerima gaji tetap sebagaimana yang diterima sebelum ini pada setiap bulan. Caruman itu yang membantu pesara meneruskan kehidupan tanpa gaji. Manakala bagi skim i-SURI pula, insentif ini mensasarkan penyertaan golongan suri rumah kepada Ketua Isi Rumah (KIR), golongan ibu tunggal, wanita bujang dan balu yang telah mendaftar dengan sistem e-Kasih.

ISU PERUNDANGAN DALAM PELAKSANAAN SKIM I-SURI

Jika dilihat dari konteks pelantikan wasi atau penama, pencarum skim KWSP perlu melakukan

pelantikan penama terhadap caruman masing-masing.²⁵ Jika dibandingkan dengan pelaksanaan Skim i-SURI, kaedah pelaksanaan penama tidak dibincangkan dengan lebih jelas apatah lagi proses pelaksanaan skim ini hanya melibatkan suami dan juga isteri. Caruman yang terlibat juga melibatkan kedua-dua pihak tersebut. Pelaksanaan skim KWSP kebiasaannya melibatkan perancangan kewangan bagi pencarum untuk masa hadapan di mana proses pengeluaran hasil caruman tersebut boleh dilakukan melalui beberapa peringkat pengeluaran seperti pelaburan dan pemilikan perumahan.²⁶

Menyedari keperluan menjaga kebajikan dan jaminan perlindungan yang sempurna kepada suri rumah sepenuh masa ini, caruman sebanyak 2% sebulan yang disumbangkan daripada caruman KWSP para suami telah mendapat perhatian dan menjadi agenda utama kerajaan baharu. Dengan adanya cadangan skim i-SURI ini, nasib para suri rumah sepenuh masa akan diberi perhatian yang wajar dan dibela.

Namun dalam merealisasikan skim ini satu perincian dan penelitian kepada isu perundangan dan perlaksanaan perlu diperhalusi. Terdapat beberapa isu perundangan yang perlu ditangani seperti takrifan/definisi suri rumah, isteri, pencarum, kadar potongan yang lebih wajar, kaedah pembahagian, mod pengeluaran duit caruman oleh isteri dan kedudukan isteri lebih daripada seorang perlu ditangani. Sementara itu juga kaedah perlaksanaannya juga perlu selari dengan misi dan visi KWSP. Kesemua definisi dan takrifan ini boleh didapati dalam Bahagian I Seksyen 2 Akta KWSP 1991. Persoalan yang timbul mempunyai persamaan dengan caruman yang dikenakan ke atas skim i-SURI terhadap suri rumah sepenuh masa. Memandangkan suri rumah yang daripada asalnya tidak bekerja, hanya sebagai suri rumah sahaja, maka caruman yang dibuat itu perlu melalui proses yang sama dengan caruman yang dibuat oleh mereka yang bekerja sebelum bersara. Memandangkan skim i-SURI baru sahaja dilaksanakan, maka pelaksanaannya perlu mengikut lunas perundangan yang tepat bagi memastikan tiada sebarang masalah yang bakal berlaku dalam konteks berkaitan. Jika dilihat di dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, kesemua definisi yang dinyatakan di atas adalah tidak jelas memandangkan definisi sedia ada hanya terpakai dalam konteks pelaksanaan skim KWSP yang umum. Sebagai contoh definisi majikan yang termaktub dalam Akta KWSP 1991 membawa maksud sebagai orang yang dengannya seorang

pekerja telah membuat kontrak perkhidmatan atau perantisan. Dalam konteks suri rumah, pemakaian majikan tidak wujud sama sekali kerana suri rumah tidak bekerja dan tidak mempunyai majikan sebagaimana pelaksanaan skim KWSP.

Begitu juga dengan beberapa takrifan definisi dalam Akta KWSP 1991 seperti 'orang yang bekerja sendiri' bermaksud mana-mana orang yang melakukan sesuatu pekerjaan yang mendatangkan hasil dan bukannya seorang pekerja. Manakala takrifan pekerja pula dinyatakan sebagai mana-mana orang, yang bukannya orang yang perihalnya dinyatakan dalam Jadual Pertama, yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada secara bertulis atau lisan dan sama ada nyata atau tersirat, untuk bekerja bagi sesuatu majikan. Kesemua takrifan ini tidak membawa kefahaman dan maksud yang jelas kepada suri rumah dalam erti kata di mana sebagai seorang suri rumah yang tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai majikan dan juga tidak mendapat apa-apa upah daripada kedudukannya sebagai suri rumah. Upah dalam konteks ini ialah semua saraan dalam bentuk wang, yang kena dibayar kepada pekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisannya sama ada dipersetujui untuk dibayar secara bulanan, mingguan, harian atau selainnya.²⁷ Selain itu, berdasarkan Seksyen 52 Akta KWSP juga menyatakan dalam konteks pekerja itu sendiri di mana pekerja yang mempunyai majikan atau yang bekerja sendiri merupakan penacrum. Namun, suri rumah tidak dikategorikan sebagai penacrum kerana tidak bekerja dan tidak mencarum. Seksyen 52(5)(b)(i) menyatakan bahawa seseorang yang meninggalkan pekerjaan yang berkenaan dengannya dia adalah seorang penacrum kepada suatu kumpulan wang diluluskan. Maksud ini jelas tidak melibatkan seorang suri rumah.

Oleh yang demikian, keperluan kepada definisi perundangan yang jelas akan mengelakkan sebarang risiko dalam konteks pelaksanaannya. Apatah lagi, Akta ini merupakan akta yang paling penting yang akan menjadi rujukan perundangan sekiranya berlaku sebarang masalah perundangan dalam konteks pelaksanaan i-SURI kelak. Namun, dalam konteks sekarang, skim ini hanya boleh merujuk kepada Akta KWSP itu sendiri.

Selain daripada itu, jika dilihat dari aspek caruman yang dikenakan sebanyak 2% sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak kerajaan bahawa Skim KWSP untuk Suri Rumah ini melibatkan sumbangan caruman pekerja 2% sebulan dan sumbangan RM50.00 sebulan daripada dana

Kerajaan. Pelaksanaan Skim KWSP Untuk Suri Rumah merupakan program berbentuk usaha sama yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) dan Kementerian Kewangan. Namun, kadar caruman ini tidak dinyatakan secara jelas dari aspek perundangan itu sendiri terutamanya di dalam Akta KWSP. Oleh yang demikian, cadangan caruman wajib 2% juga memerlukan pindaan terhadap perundangan sedia ada KWSP bagi mengelakkan sebarang masalah timbul pada masa hadapan berkaitan dengan jumlah caruman bagi penacrum.

KESIMPULAN

Pengenalan skim caruman kepada suri rumah ini, bertujuan memastikan kebajikan suri rumah sepenuh masa terjaga sehingga akhir hayat selain talian kekeluargaan dapat dieratkan. Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan di atas, pelaksanaan skim ini sangat bagus untuk membantu golongan wanita yang bergelar suri rumah sepenuh masa sebagai persediaan di masa hadapan yang masih panjang. Sebagai seorang pekerja, caruman KWSP merupakan salah satu langkah bagi seorang pekerja tidak kira lelaki ataupun wanita dalam menghadapi tempoh persaraan. Namun, bagi suri rumah sepenuh masa yang tidak bekerja, caruman yang dibuat diperingkat awal sedikit sebanyak dapat membantu mereka menghadapi masa hadapan selepas tempoh matang caruman mereka nanti.

Skim i-Suri mempunyai potensi positif terutamanya dari komuniti wanita yang menjadi seorang suri rumah. Mereka adalah sebahagian masyarakat kita yang perlu dilindungi. Pada tahap ini, kerajaan harus mengenal pasti mekanisme dan kelemahan yang sesuai pada fasa terakhir pelaksanaannya dan ini bukan langkah mudah. Tetapi, untuk masa depan dan perlindungan yang lebih baik kepada golongan ini, maka apa-apa yang berkaitan dengannya dari aspek perundangan dan pelaksanaan perlu ditambah baik.

Oleh yang demikian, sebagai Akta KWSP disediakan untuk perkara yang berkaitan dengan caruman, pengeluaran dan sebagainya, perundangan yang lebih jelas dan terperinci juga diperlukan dalam pelaksanaan skim i-SURI memandangkan pelaksanaan ini bukan dalam tempoh sementara tetapi mengambil jangka masa panjang. Sekiranya berlaku sesuatu konflik dalam isu ini, hanya undang-undang sahaja yang boleh menjadi rujukan bagi

menyelesaikan permasalahan yang bakal timbul. Pada masa yang sama, melalui undang-undang yang lebih jelas juga akan memberikan perlindungan perundangan kepada pencarum termasuk suri rumah.

PENGHARGAAN

Para penulis mengucapkan setinggi-setinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas Dana Geran FRGS-KPT2019 (KOD SO 14394) bagi menjalankan penyelidikan ini.

NOTE

- ¹ R. Kitterød, & M. Rønsen, Opting Out? Who are the Housewives in Contemporary Norway? *European Sociological Review* 29(6), 2013, p 1266-1279. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/24480021>. [Diakses pada 15 Ogos 2019].
- ² Norehan Abdullah et al, Kebarangkalian Bekerja Wanita Berkahwin di Malaysia, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 2012, p 107-117.
- ³ Mohd. Fazli Sabri & Teo Zhe Juen, The Influence of Financial Literacy, Saving Behaviour, and Financial Management on Retirement Confidence Among Women Working in the Malaysian Public Sector, *Asian Social Science* 10(14), 2014, p 40.
- ⁴ E. R. Beauchamp, *Women and Womens Issues in Post World War II Japan. Vol. 4. Dimension of Contemporary Japan: A Collection of Essays*, Taylor & Franchise, 1998.
- ⁵ Laman Web KWSP, 2020 <https://www.kwsp.gov.my> [Diakses pada 20 November 2020].
- ⁶ Siti Fatimah Azzuhra Mohd Yusof, *Pemakaian peraturan-peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2001 dalam tuntutan dan agihan harta tanpa penamaan: pelaksanaannya di KWSP Kuala Lumpur*, Tesis Dr. Fal, University of Malaya), 2010.
- ⁷ Sekyen 2 Akta KWSP 1991.
- ⁸ Laporan Tahunan KSWP, 2013.
- ⁹ Seksyen 43 (1) Akta KWSP.
- ¹⁰ Buku Panduan Majikan, KWSP, 2020.
- ¹¹ Buku Panduan Majikan, KWSP, 2020.
- ¹² B. R. Bergmann, The Economic Risks of being a Housewife, *The American Economic Review* 71(2), 1981, p 81-86.
- ¹³ B. R. Bergmann, The Economic Risks of being a Housewife, p 81-86.
- ¹⁴ F. V. Poppel et al, Diffusion of a Social Norm: Tracing the Emergence of the Housewife in the Netherlands, 1812-1922. *The Economic History Review*, 62(1), new series, 2009, p 99-127. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/20542872> [Diakses pada 19 Oktober 2019].
- ¹⁵ M. Evans, Single Mothers in Malaysia: Social Protection as an Exercise of Definition in Search of Solution, 2011.
- ¹⁶ Berita Harian Online. 11 Oktober 2019.
- ¹⁷ Laporan Siaran Media Pelancaran Skim i-SURI, 2018.
- ¹⁸ Laporan Siaran Media Pelancaran Skim i-SURI, 2018.
- ¹⁹ A. Maslauskaitė et al, Socio-economic Determinants of Divorce in Lithuania: Evidence from Register-Based Census-Linked Data, *Demographic Research* 33, 2015, p871-908. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/26332007> [Diakses pada 15 Ogos 2019].

- ²⁰ Berita Harian, 2018.
- ²¹ Khoong Tai Wai, Perancangan Kewangan aan Aplikasi Teori Tingkah Laku Kewangan Dan Teori Keperluan Maslow: Kajian Kes KWSP di Malaysia, *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12(8), 2017
- ²² Laman Web Parlimen Malaysia <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDN7MEI2019.pdf> [Diakses pada 7 Jun 2019].
- ²³ Siti Zaharah Jamaluddin & Yuen Wah Foo, Bersara Tetapi Bekerja: Senario Pesara Malaysia Pada Masa Hadapan, *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 2013, p 238-254.
- ²⁴ Norlaila Abu Bakar et al, Kesejahteraan Ekonomi Warga Emas di Malaysia: Perbezaan Gender, *Kuantan: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, 2009.
- ²⁵ Mohd Musa Sarip & Mohd Mustaffa Mohd Jusoh @ Yusoff, Perbezaan Sikap dan Kecenderungan Tingkah Laku Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap Penamaan Wasi, *International Journal of Islamic Thought* 12, 2017, p 40-50.
- ²⁶ Khoong Tai Wai, Perancangan kewangan dan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan teori keperluan Maslow: Kajian kes KWSP di Malaysia, *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12(8), 2017.
- ²⁷ Akta KWSP 1991.

RUJUKAN

- Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732).
- Balakrishnan Muniapan, Balakrishnan Parasuraman, Aryana Satrya & Balan Rathakrishnan. 2010. The individual employment contract in Malaysia. *Industrial Law Report* 2.
- Beauchamp, E. R. 1998. *Women and Womens Issues in Post World War II Japan. Vol. 4. Dimension of Contemporary Japan: A Collection of Essays*. Taylor & Franchise.
- Bergmann, B. R. 1981. The economic risks of being a housewife. *The American Economic Review* 71(2): 81-86.
- Berita Harian Online. 8 Ogos 2018. Suri Rumah, Golongan Tanpa Pendapatan Tetap Digesa Carum KWSP. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/08/459405/suri-rumah-golongan-tanpa-pendapatan-tetap-digesa-carum-kwsp> [Diakses pada 11 Oktober 2019].
- Buku Panduan Majikan. Laman Web Kumpulan Simpanan Pekerja. https://www.kwsp.gov.my/documents/20126/131635/BUKU_PANDUAN_MAJIKAN.pdf/218a4a52-285f-b4f5-6881-f7644df906a2 [Diakses pada 20 November 2020].
- Evan, M. 2011. Single mothers in Malaysia: Social protection as an exercise of definition in search of solution. *International Conference: Social Protection for Social Justice. Institute of Development Studies*: 13-15.

- Khoong Tai Wai. 2017. Perancangan kewangan aan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan Teori Keperluan Maslow: Kajian kes KWSP di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 12(8).
- Kitterød, R. H. & Rønsen, M. 2013. Opting out? Who are the housewives in contemporary Norway? *European Sociological Review* 29(6), 1266-1279. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/24480021> [Diakses pada 15 Ogos 2019].
- Laporan Tahunan KWSP. 2013. Laman Web Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. https://www.kwsp.gov.my/o/kwsp-theme/css/assets/pdf/annual-report/2013/2._MENGENAI_KWSP.pdf [Diakses pada 20 November 2020].
- Maslauskaitė, A., Jasilionienė, A., Jasilionis, D., Stankuniene, V., & Shkolnikov, V. 2015. Socio-economic determinants of divorce in Lithuania: Evidence from register-based census-linked data. *Demographic Research* 33: 871-908. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/26332007>
- Mohd Musa Sarip & Mohd Mustaffa Mohd Jusoh @ Yusoff. 2017. Perbezaan sikap dan kecenderungan tingkah laku pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap penamaan wasi. *International Journal of Islamic Thought* 12: 40-50.
- Mohd. Fazli Sabri & Teo Zhe Juen. 2014. The influence of financial literacy, saving behaviour, and financial management on retirement confidence among women working in the Malaysian public sector. *Asian Social Science* 10(14): 40.
- Norehan Abdullah, Rahmah Ismail, Zulridah Mohd. Noor & Fariza Ahmad. 2012. Kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 46(1): 107-117.
- Norlaila Abu Bakar, Nor Aini Hj. Idris & Doris Padmini Selavaratnam. 2009. Kesejahteraan ekonomi warga emas di Malaysia: Perbezaan gender. Kuantan: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia.
- Siaran Media Pelancaran Skim Kwsp Untuk Suri Rumah (Program Sukarela Insentif Suri) https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/ERA%20BARU%202018/FINAL%20SIARAN%20MEDIA%20SOFT%20LAUNCH%20INSENTIF%20SURI_.pdf [Diakses pada 19 Oktober 2019].
- Siti Fatimah Azzuhra Mohd Yusof. 2010. Pemakaian Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2001 Dalam Tuntutan aan Agihan Harta Tanpa Penamaan: Pelaksanaannya di KWSP Kuala Lumpur. Tesis Dr. Fal, University of Malaya.
- Siti Zaharah Jamaluddin & Yuen Wah Foo. 2013. Bersara tetapi bekerja: Senario pesara Malaysia pada masa hadapan. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*: 238-254.
- Van Poppel, F., Van Dalen, H., & Walhout, E. 2009. Diffusion of a social norm: Tracing the emergence of the housewife in the Netherlands, 1812-1922. *The Economic History Review* 62(1): 99-127. <http://www.jstor.org.eserv.uum.edu.my/stable/20542872> [Diakses pada 19 Oktober 2019].
- Nor Anita Abdullah
Pusat Pengajian Undang-undang
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah
Emel: noranita@uum.edu.my
- Harlida Abdul Wahab
Pusat Pengajian Undang-undang
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah
Emel: harlida@uum.edu.my
- Asmar Abdul Rahim
Pusat Pengajian Undang-undang
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah
Emel: asmar@uum.edu.my